

03 MAR 2001

PM UCAP SELAMAT JALAN KEPADA PASTRANA (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Colombia Andres Pastrana Arango yang akan menamatkan lawatan empat hari ke Malaysia esok.

Dr Mahathir menghabiskan masa lebih kurang sejam bersama pemimpin Colombia itu di sut hotelnya.

Pastrana dijadual melawat Felda Semencu di Kota Tinggi, Johor, esok sebelum berlepas ke India pada sebelah petang.

Antara aturcara lawatan ialah mesyuarat delegasi yang diketuai oleh pemimpin kedua-dua negara dalam usaha meningkatkan kerjasama antara Bogota dan Kuala Lumpur.

Pastrana telah menjemput ahli perniagaan Malaysia, khususnya daripada industri kelapa sawit untuk meneroka peluang-peluang pelaburan di negaranya.

Pastrana telah menyatakan minat untuk belajar bagaimana Malaysia melaksanakan program-program pembangunan sosio-ekonomi demi manfaat rakyat termasuk dalam bidang pertanian.

Pemimpin Colombia itu juga dianugerahkan "Darjah Utama Seri Mahkota Negara Kehormat" oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang sebaliknya menerima "Order of Boyaca Grand Collar of the Republic" daripada Pastrana.

-- BERNAMA

MAM HS PR